

Praktis 10 Drama Mahkamah

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PENDAKWA RAYA: Bulat bin Leper, adakah pada 10 Januari 1988, antara jam 8:00 hingga 9:00 pagi, kamu berada di Taman Gagak Putih?

TERTUDUH I: Ya, benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan pada waktu yang tersebut itu, kamu telah makan sebiji pisang dan membuang kulitnya?

TERTUDUH I: Ya, benar sekali, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan dalam waktu yang tersebut itu, seorang nenek yang sedang berjoging telah terpijak kulit pisang yang kamu buang lalu tergelincir dan jatuh. Kejadian itu menyebabkan pinggangnya patah dan dia mati dalam perjalanan ke hospital. Adakah kamu mengaku bahawa kenyataan ini benar?

TERTUDUH I: Kenyataan itu tidak benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Saya ulang. Adakah kamu makan pisang pada waktu tersebut?

TERTUDUH I: Benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan kulit pisang itu kamu yang buang, bukan?

TERTUDUH I: Benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Dan nenek itu mati akibat terpijak kulit pisang yang kamu buang, bukan?

TERTUDUH I: Tidak benar, tuan.

PENDAKWA RAYA: Awak tidak mahu mengaku?

TERTUDUH I: Tidak mengaku, tuan.

Dipetik daripada drama “Mahkamah”,
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Apakah maksud rangkai kata *benar sekali* dalam petikan drama di atas?

- A Jelas semuanya C Betul seluruhnya
B Tetap segalanya D Kena sepatutnya

Mentafsir (Ara 8)

2 Kejadian itu menyebabkan pinggangnya patah dan dia mati dalam perjalanan ke hospital.

Nyatakan kata-kata hikmat yang sesuai dengan pernyataan di atas.

- A Ajal dan maut di tangan Tuhan
B Bersatu teguh, bercerai roboh
C Bertanggung itu pencuri masa
D Pandu cermat, jiwa selamat

Mentafsir (Ara 8)

3 PENDAKWA RAYA: Awak tidak mahu mengaku?

TERTUDUH I: Tidak mengaku, tuan.

Apakah perwatakan Bulat bin Leper yang terdapat dalam pernyataan di atas?

- A Ikhlas C Tabah
B Berani D Baik hati

Memahami, Menganalisis (Ara 5)

4 Bulat bin Leper mengaku bahawa

- A dia telah makan sebiji pisang.
B dia telah mengutip kulit pisang itu.
C dia yang membawa nenek itu ke hospital.
D dia telah menyebabkan kematian nenek itu.

Memahami, Menganalisis (Ara 5)

5 Yang berikut merupakan pernyataan yang benar berdasarkan petikan **kecuali**

- A Bulat bin Leper berada di Taman Gagak Putih pada 10 Januari 1988.
B Bulat bin Leper berjoging di Taman Gagak Putih.
C Nenek itu telah terpijak kulit pisang.
D Nenek itu tergelincir dan jatuh.

Menganalisis, Menyusun (Ara 1)